

K-Ekonomi Di Malaysia dan Masa Depan

oleh

Dr. Wan Sulaiman Wan Yusoff

Abstract

What is k-economy? Having given the definition of K-economy the present writer provides us with clarity the features and characteristics of K-economy in contrast with the traditional system of economy. Four features have been singled out to illustrate K-economy, namely: (a) the need for continuous learning (b) the new knowledge acquired should be immediately applied to bring about competitive and innovative production (c) the need for technological development to include R&D and (d) the need for efficient production, distribution, managerial and technological efficiency. The article also discusses on issues as to how K-economy operates, its challenges and its future in the Malaysian economic settings. The final part of the article, attempts to elaborate K-economy in the context of Islamic economic system. Although briefly discussed, it has given us preliminary insight into the topic.

Pengenalan

Apakah K-ekonomi? K-ekonomi ialah satu sistem operasi ekonomi yang berbeza dengan sistem ekonomi tradisional. Ekonomi tradisional adalah proses pengeluaran, penggunaan, promosi dan pengagihan barang-barang dan perkhidmatan berdasar kepada faktor-faktor tanah, buruh, modal dan pengusaha. Sedangkan K-ekonomi adalah satu pemprosesan pengeluaran, penggunaan, promosi, iklan dan pengagihan barang-barang dan perkhidmatan samada dalam sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan berdasar kepada ilmu pengetahuan, informasi, komunikasi, teknologi (ICT) dan masa. Dengan kata lain dalam sistem K-ekonomi ini ICT dan masa merupakan faktor penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Dalam sistem pemprosesan yang menggunakan K-ekonomi, prinsip pelaburan sentiasa beroperasi dalam "Hukum Pulangan Bertambah Lebih" (HPBL), contohnya seperti monopoli oleh syarikat Microsoft. Ini boleh menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara berkembang dengan lebih pesat lagi. Secara tradisional atau P-ekonomi (Production Based Economy) pula, prinsip pelaburan mengalami Hukum Pulangan Bertambah Lebih (HPBL), Hukum Pulangan Bertambah Kurang (HPBK), Hukum Pulangan Tetap (HPT) dan Hukum Pulangan Negatif (HPN).

Dengan itu perbezaan antara K-ekonomi dan P-ekonomi dapat dilihat dari 4 aspek penting iaitu:-

1. K-ekonomi menggunakan ilmu pengetahuan sebagai pemandu pertumbuhan ekonomi negara (knowledge as the driver of economic growth of the country) atau ilmu pengetahuan dan teknologi dianggap sebagai modal asas bagi mempelopori segala sumber-sumber lain dalam proses pembangunan ekonomi negara.
2. K-ekonomi mempunyai kedua-dua perubahan kuantiti dan kualiti secara bersepadu dalam proses, struktur dan cara operasinya.
3. K-ekonomi, pelaburannya tertumpu kepada sumber tenaga kerja dan keupayaan R & D supaya dapat mewujudkan dan meningkatkan jumlah aset intelektual.
4. K-ekonomi ialah satu proses yang sentiasa mencari teknologi baru, inovasi dan idea baru untuk pelaburan dan pengeluaran.

Ciri-Ciri dalam Sistem K-Ekonomi

1. Pembelajaran yang berterusan (continuous learning). K-ekonomi adalah satu pemprosesan yang menggunakan ilmu baru yang berterusan. Sekiranya mana-mana golongan yang tidak mempelajari secara berterusan, ia akan ketinggalan zaman dan digelar sebagai golongan "Dinosaur" dan akan pupus ditelan zaman.
2. Aplikasi ke atas ilmu baru yang dipelajari itu dengan baik dan berkesan. Dalam K-ekonomi, setelah mempelajari ilmu baru, hendaklah diaplikasikan dan diamalkan supaya konsep inovasi, persepadaan kuantiti dan kualiti dalam pengeluaran dapat ditingkatkan.
3. Pembangunan teknologi, inovasi dan R & D. Untuk mendapat teknologi baru, membuat perubahan pengeluaran baru dan ia berbeza dengan pengeluaran lain dan untuk mencari penemuan baru, "knowledge based product" adalah perlu.
4. Proses pengeluaran, penjualan, promosi dan pengagihan hendaklah efisien dan bertaraf antarabangsa samada dalam produktiviti, pengagihan, pengurusan dan teknologi di mana keempat-empat ini adalah perlu dalam persaingan global. Contohnya pihak pengurus hendaklah mencari teknologi yang paling baik untuk menghasilkan produktiviti yang paling banyak dan berkualiti dengan kos pengeluaran (kos purata) yang paling minima. Ini dipanggil "productive, allocative, managerial, and technological efficiency".

Cara-Cara Untuk Mencapai Ke Tahap K-Ekonomi

Untuk mencapai ke tahap K-ekonomi dalam sesebuah negara, perkara-perkara berikut adalah perlu:-

1. Pembangunan sumber manusia. Berdasar kepada laporan Bank Dunia (1999), taraf hidup dunia bergantung penuh kepada tahap ilmu pengetahuan yang merupakan faktor utama. Dengan ilmu pengetahuan yang mantap, keimanan yang murni dan daya usaha yang kuat boleh mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti (biasanya merujuk kepada aspek kesihatan, pendidikan, latihan, etika kerja, sikap dan iman). Dengan itu boleh menambahkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi.
2. Menguasai sistem Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT) dengan seberapa segera. Cepat atau lambat sesebuah negara itu mencapai ke tahap K-ekonomi bergantunglah kepada persiapan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Multimedia Super Corridor (MSC) dan kesediaan dan kesanggupan masyarakat untuk mempelajari dan menguasainya serta menggunakan dalam sistem hidup harian.
3. Rancangan Malaysia Ke Lapan yang bermula pada 2001. Menteri Kementerian Sumber Manusia (YB Datuk Dr Fong Chan Onn) menegaskan bahawa pelajaran dan kursus untuk mewujudkan buruh mahir yang mampu bersaing dalam dunia tanpa sempadan hendaklah dimulakan sekarang dan bukan hanya tertumpu kepada golongan muda sahaja tetapi juga kepada semua golongan masyarakat.
4. Latihan dalam bidang-bidang penting seperti berikut hendaklah diutamakan:-
 - a) Kemahiran berkomunikasi secara efektif
 - b) Penyelesaian masalah
 - c) Kreativiti
 - d) Kerja berkumpulan
 - e) Kepimpinan dan kemahiran komputer
5. Kemudahan sokongan seperti kemudahan kewangan hendaklah dipergiatkan kerana tanpa kemudahan seperti itu semua perancangan tidak akan berhasil.
6. K-ekonomi dan kemahiran merupakan pra-syarat kepada ekonomi global. Untuk melengkapkan persiapan bagi menghadapi ekonomi tanpa sempadan, K-ekonomi hendaklah dipercepatkan.
7. K-ekonomi bergantung penuh kepada sejauh mana individu, masyarakat dan kerajaan sesebuah negara itu dapat menggunakan sumber intelektual, kelebihan maklumat dan budaya sentiasa belajar dalam memproses

pengeluaran, pemasaran barang-barang dan perkhidmatan dan pengagihan pendapatan dalam keadaan saksama dan adil kepada semua masyarakat negara dan dunia.

Cabaran Dalam Sistem K-Ekonomi

Cabaran kepada Malaysia dalam K-ekonomi ini adalah seperti berikut :-

1. Proses “learning, unlearning and relearning”.

Dalam sistem K-ekonomi, proses “learning, unlearning and relearning” adalah satu phenomena yang semua akan hadapi. Contohnya kebanyakan kita telah mempelajari sistem ekonomi yang klasik, neo-klasik dan moden (paradigma lama). Ada sesetengah daripada teori ini telah ditelan zaman dan tidak digunakan lagi di zaman ICT ini dan ia merupakan tahap “unlearn” kerana ia merupakan perkara yang lapuk. Seterusnya kita terpaksa menghadapi proses “learning and relearning” perkara-perkara yang baru (paradigma baru). Proses ini sebenarnya untuk umat Islam telah pun mempunyai asas yang sempurna seperti mana hadis Rasulullah s.a.w bermaksud “Tuntutlah ilmu semenjak dari buai hingga ke liang lahad” dan “Carilah ilmu walau ke negeri China” dan “Ilmu itu adalah khazanah kehilangan orang mukmin”. Berdasar kepada hadis-hadis di atas, sepatutnya umat Islam tidak akan ketinggalan zaman. Tetapi malangnya kebanyakan orang Islam beriman tanpa amal.

2. Penambahan nilai tambah yang sebenar (to add real value)

Mengikut buku karangan Peter Drucker berjudul “Innovation and Entrepreneurship”, pengarang menjelaskan bahawa perubahan keadaan dan mempelajari benda baru serta mengamalkannya adalah satu sumber/punca kepada perubahan “real value added”. Sekiranya tidak ada perubahan dan mempelajari benda baru dan mengamalkannya, seseorang individu, masyarakat dan negara itu tidak mempunyai perubahan dan penambahan berkenaan.

3. Model peniagaan yang baru

Satu cabaran dalam sistem K-ekonomi ini ialah kita terpaksa mengadakan model perniagaan, hubungan dan hierarki perniagaan yang baru untuk penyesuaian dengan era global yang baru. Jika tidak, pengeluaran yang efisien sahaja tidak mencukupi kerana kita tidak mempunyai pasaran untuk menjual barangan. Dengan itu kita mesti wujudkan sistem pengeluaran serta pemasaran yang baru termasuk idea baru dalam pasaran global yang kompetitif.

4. Cabaran yang membawa kepada hukum pulangan bertambah lebih (HPBL)

Ini adalah satu sistem yang sentiasa mengamalkan konsep pelaburan yang pulangannya berada dalam hukum pulangan bertambah lebih. Ini bermakna bukan seorang sahaja yang merupakan pemenang dalam sistem perniagaan tetapi banyak pihak yang menjadi pemenangnya.

5. Cabaran globalisasi

Konsep globalisasi ini adalah satu sistem ekonomi yang pergerakannya berdasar kepada konsep faedah berbanding dan konsep ini biasanya mereka yang berkuasa/kuat akan mendapat faedah yang lebih besar (*gain first mover advantage*). Biasanya "*gain first mover advantage*" akan mendakwa sebagai "*first mover right*" dan ia akan memberi kesan yang negatif kepada orang lain. Sedangkan pada masa permulaan ini kita berusaha untuk mendapatkan faedah yang sama rata, saksama dan adil. Tetapi keadaan sebenar objektif ini samada tercapai atau tidak itu bergantunglah kepada kemampuan masing-masing. Walau bagaimana sekali pun kalau kita berdasar kepada pasaran bebas ekonomi, kita dapati kegagalan pasaran (*market failure*) yang mana pasaran tidak mampu menyediakan barang-barang awam (*public goods*), *positive externality*, dan tidak mampu untuk mempertahankan kuasa monopoli dan tidak mampu untuk mengadakan agihan pendapatan dalam keadaan saksama dan adil kepada semua golongan masyarakat. Dengan itu sekiranya pasaran dalam negara dan sistem ekonomi pasaran bebas tidak mampu mengatasi masalah kegagalan pasaran, apatah lagi dalam pasaran dunia yang bebas. Ini adalah satu cabaran yang perlu ditangani dengan teliti, baik dan berkesan.

Masa Depan K-Ekonomi di Malaysia

Apa yang Malaysia perlu laksanakan untuk menggerak keluar sistem ekonomi negara dari sistem ekonomi lama (P-ekonomi) kepada sistem ekonomi baru (K-ekonomi)?

Mulai tahun 1995, Malaysia telah menubuhkan "Multimedia Super Corridor" (MSC) di mana kerajaan Malaysia telah menetapkan kawasan seluas 750 kilometer persegi di kawasan Putrajaya, Sepang untuk projek MSC. Ia bertujuan seperti berikut :-

1. Untuk membawa sistem ekonomi keluar dari P-ekonomi kepada K-ekonomi dengan menggunakan Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT).
2. Untuk mencapai matlamat wawasan 2020 melalui Teknologi Maklumat (IT driven), pertumbuhan ekonomi melalui produktiviti dan strategi kerjasama antara syarikat global dengan syarikat Malaysia melalui perkongsian pintar.
3. Untuk menjadi penghubung antarabangsa (*global bridges*) antara Malaysia dengan mana-mana bandar bistari yang lain di dunia demi kebaikan dan keuntungan bersama.

Dalam tahun 1996, the National IT Agenda telah diperkenalkan dan ia merupakan asas kepada "*value-based K-society*" dan "*K-Society*" ini merupakan asas penting kepada K-ekonomi. K-society ialah masyarakat yang berilmu pengetahuan dan memiliki nilai keperibadian yang mantap. Tanpa "*K-society*" adalah sukar untuk mewujudkan K-ekonomi dalam sesebuah negara.

The National IT Agenda menitikberatkan kepada tiga aspek pembangunan iaitu :-

1. Pembangunan manusia (human development)
2. Pembangunan prasarana (infrastructure development)
3. Pembangunan aplikasi (application development)

Dengan adanya ketiga-tiga pembangunan ini, kita akan dapat mencapai matlamat “value-based knowledge society” dan seterusnya akan dapat mencapai ke tahap K-ekonomi dengan baik dan berjaya.

Dalam tahun 1998, usaha negara untuk mencapai ke arah K-ekonomi dengan memperkenalkan “e-public service”, “e-economy (commerce)” dan “e-community”. Konsep ini semua dapat dilaksanakan dengan mempelajari dan memahami ICT dengan baik dan sempurna oleh semua golongan masyarakat; seterusnya “e-learning” dan “e-sovereignty” akan menentukan hala tuju kepada Malaysia dalam pergerakan ekonomi global yang bergerak tanpa sempadan.

Cara-Cara Untuk Mempertahan Ekonomi Negara Dalam Era Baru

Mengikut “Schumpeterian Model”, cara-cara untuk mempertahankan ekonomi negara antara lain adalah seperti berikut :-

1. Bina ekonomi baru
Ini bukan bermakna sistem yang dahulu dirosakkan tetapi kita memperbaharui dan mengubahsuaikan dengan keadaan yang terkini dan ia boleh mewujudkan nilai baru kepada ekonomi negara.
2. Kita mesti gunakan segala tenaga yang ada pada kita ini dengan sepenuhnya sebelum orang lain mempergunakan kita (we must cannibalise ourselves), atau kita jangan tunggu dan harap belas ihsan orang lain dalam aktiviti perniagaan kita. Kita mesti gerakkan sumber kita sepenuhnya.
3. Meningkatkan kerjasama walaupun dengan saingan perniagaan (promote competition). Ini bertujuan supaya wujud gagasan perniagaan yang lebih besar (giant company).
4. Bina kekuatan baru atas kekuatan yang sedia ada dengan menambahkan nilai baru. Pembinaan ini hendaklah dengan cara mengadakan dan mempergiatkan R & D, inovasi, dan mempertingkatkan intensiti ilmu.
5. Pemikiran dunia dan tindakan dalaman (think global and act local).
Pengeluaran dan pertukaran di peringkat pasaran antarabangsa tetapi nilai-nilai dan kebudayaan tempatan hendaklah jangan diabaikan.
6. Bina dan urus dengan baik segala ilmu pengetahuan yang ada pada kita kerana

ini merupakan harta yang berharga. Ia dapat dibahagi kepada keupayaan dalaman dan luaran. Keupayaan dalaman (internal capacity) digunakan untuk belajar, mengeluarkan dan menguasai ilmu pengetahuan serta menggunakannya. Dan keupayaan luaran (external capacity) pula digunakan untuk perhubungan dengan pelanggan-pelanggan, dengan pasaran dan dengan rakan kongsi. Apabila kita boleh menguasai dan mampu menguruskan asas ilmu pengetahuan kita, inilah jalannya untuk kita mara terus ke hadapan ke arah K-ekonomi.

K-Ekonomi Dalam Sistem Ekonomi Islam

Islam melihat manusia sebagai pelakon ekonomi yang paling penting dan faktor-faktor pengeluaran dan K-ekonomi itu sebagai faktor penganap dalam proses pengeluaran, penggunaan, pemasaran dan pengagihan barang-barang dan perkhidmatan. Oleh itu fungsi manusia dalam sistem ekonomi hendaklah jelas di mana ia sebagai manusia Islami (Islamic man) fungsinya adalah sebagai seorang manusia, hamba dan khalifah Allah di dunia ini (Islamic man = manusia + hamba + khalifah Allah). Berdasarkan kepada fungsi ini manusia Islami mestilah berusaha mewujudkan K-ekonomi yang berlainan tujuan dengan K-ekonomi konvensional iaitu K-ekonomi yang memberi nilai tambahnya bukan sekadar pertambahan yang dapat diukur dengan nilai wang (objective criteria) semata-mata tetapi juga dapat diukur dengan nilai subjektif (subjective criteria) seperti keredhaan, keberkatan Ilahi, halal-haram, wajib-sunat dan sebagainya.

Di samping itu matlamat kita sebagai seorang Islam bukan hanya untuk kebahagiaan di dunia ini sahaja tetapi yang lebih penting untuk kebahagiaan di hari akhirat yang kekal abadi untuk selama-lamanya.

Untuk mencapai matlamat yang paling unggul ini, K-ekonomi kita yang hendak dicapai melalui ICT dan MSC ini, kita mesti berhati-hati memilih apa yang sesuai dan apa yang tidak sesuai. Kita mempunyai prinsip yang kukuh dalam memilih mana yang baik dan mana yang buruk (mana yang ma'ruf dan mana yang mungkar) kerana jelas sebagai seorang Islam, pendapatan yang halal sahaja akan menjadi jambatan kepada seseorang itu untuk ke syurga. Tetapi sebaliknya pendapatan yang haram itu akan membuka jalannya untuk ke neraka.

Oleh itu mempelajari K-ekonomi konvensional sahaja walaupun perlu adalah tidak mencukupi. Untuk melengkapkan hidup, kita hendaklah mempelajari kedua-dua sekali. Berdasar kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "Barang siapa memerlukan dunia hendaklah ia berilmu dan barang siapa yang memerlukan akhirat hendaklah berilmu dan barang siapa yang memerlukan kedua-duanya hendaklah dengan berilmu".

Dengan ini dicadangkan kepada semua yang bertanggungjawab supaya sistem dalam K-ekonomi yang kita pelajari dan memahami itu selaras dengan fungsi kita sebagai

manusia, hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini. Dengan itu kita akan diredhai dan diberkati Allah s.w.t sebagai seorang hambanya dan akhirnya kita akan tergolong dalam golongan hamba yang diiktiraf oleh Allah s.w.t. dan seterusnya dimasukkan ke dalam syurga Allah³ yang didalamnya mendapat "Assa'dah Hakikiyyah" buat selama-lamanya.

Kesimpulan

K-ekonomi ialah satu sistem pemprosesan ekonomi baru tentang pengeluaran, penggunaan, pemasaran dan pengagihan yang berdasar kepada ilmu pengetahuan, informasi dan komunikasi dan teknologi sebagai pepadunya. K-ekonomi dengan prinsip pelaburannya sentiasa beroperasi dalam "hukum pulangan bertambah lebih". Dengan kata lain, K-ekonomi menggunakan ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai modal asas bagi memelopori segala sumber lain dalam proses pembangunan ekonomi negara. Sistem ekonomi ini mempunyai kedua-dua perubahan kuantiti dan kualiti secara bersepadu dalam sistem operasinya.

Walaubagaimana pun kita sebagai seorang Islam yang beriman kepada Allah, Rasul dan hari akhirat, hendaklah kita rumuskan formula K-ekonomi yang bakal kita praktikkan itu agar selaras dengan fungsi kita sebagai seorang manusia, hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini.

Rujukan:

1. Lieh Lee Mei Ling (2000), *Taking on the World Globalization Strategies in Malaysia*, Kuala Lumpur: McGraw Hill.
2. Mimosmind, (2000), "Transforming Malaysia into a K-Economy".
3. Datuk Dr. Fong Chan Onn (2000), "Keynote address on the shaping forces of the K-economy Towards The Transformation of the Malaysian economy", Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.
4. Michael Will, (2000), "Globalisation : Trade and Issues for Government". CGSR, *working paper* No. 54/00. University of Warwick.
5. W.S. Yusoff, (2000), "Globalization and the Future of Business Environment in Malaysia", *seminar paper* on Globalization and Social Roles of Business, (23 September, 2000)

ULASAN BUKU

Judul: Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities

Editor: Kua Kia Soong

Penerbit: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre

Cetakan Pertama 1998

Jumlah Halaman 169

Buku ini adalah hasil daripada sebuah seminar berlangsung pada 1-2 November 1997 yang membincangkan isu pendidikan bahasa ibunda kaum minoriti di Malaysia dan justeru itu ia merupakan himpunan beberapa buah kertas seminar. Terdapat sepuluh buah kertas semuanya yang menyentuh pelbagai aspek: falsafah, sejarah, perundangan, budaya dan nilai, permasalahan dan prospek bahasa-bahasa etnik yang dibahaskan. Sesuai dengan keperluan sebuah dokumentasi seminar, buku ini memuatkan resolusi dan sebuah lampiran mengenai Deklarasi Universal Hak Asasi Bahasa (Universal Declaration on Linguistic Rights, Barcelona 1996).

Dalam Kata Pengatarnya, Kua Kia Soong mengharapkan buku ini boleh dijadikan sebuah ikhtisar penting bagi menjelaskan permasalahan yang dihadapi kelompok etnik minoriti di Malaysia kerana menurutnya masih ramai masyarakat Malaysia yang tidak mempunyai pengetahuan mengenainya.

Gerard Renou yang mewakili UNESCO menulis mengenai Linguistic Diversity and Multilingual Education. Dengan berlatar belakang perspektif antarabangsa, beliau dengan cara tidak langsung cuba menekankan keperluan negara Malaysia mematuhi deklarasi UNESCO mengenai hak asasi bahasa ibunda seperti yang dipersetujui oleh institusi dan badan-badan bukan kerajaan antarabangsa di Barcelona pada 6-9 Jun 1996. Menurut deklarasi tersebut adalah menjadi tanggungjawab sesebuah negara membetulkan ketidakadilan pengamalan bahasa-bahasa ibunda dalam usaha memastikan keadilan, kesejahteraan dan hubungan sosial antara kaum.

T. Shanti, seorang ahli antropologi telah membuat penyelidikan di kalangan orang Ulu di hulu Sungai Rejang, Sarawak, menulis bagaimana kaum tersebut telah menjadi mangsa pembangunan ekonomi dan kemajuan. Kesan langsung dari pembangunan tersebut ialah bukan sahaja perubahan radikal dari segi fizikal kehidupan tetapi ia juga merubah sistem nilai sosio-budaya dan bahasa. Apa yang dikhuatirkan ialah semakin pupus tradisi oral yang amat rapat kaitannya dengan sistem keagamaan jika sekiranya bahasa ibunda tidak diajarkan kepada generasi muda. Penulis menyenaraikan sebanyak 27 jenis tradisi oral (hal. 21) yang bakal akan hilang dengan pupusnya bahasa ibunda.

Sebuah rencana yang membahas persoalan ini dari sudut perundangan ditulis oleh seorang ahli jawatankuasa Hak Asasi Manusia Malaysian Bar Council. Beliau menjelaskan kedudukan pendidikan bahasa ibunda dalam konteks perlembagaan. Walaupun perlembagaan memperuntukannya tetapi perlaksanaannya adalah mengecewakan. Samalah seperti nasib peruntukan kelas-kelas Pupil's Own Language (POL) yang sebenarnya tidak dapat berjalan. Antara sebabnya ialah ketidakcukupan peruntukan. Dari segi peruntukan perlembagaan, beliau menyarankan agar mahkamah Malaysia menyemak kembali pendekatan negatif berhubung dengan pendidikan bahasa ibunda dan sebaliknya memberikan ruang yang lebih luas terhadap tafsiran yang lebih liberal mengenainya. Namun demikian, apa yang lebih penting menurut beliau ialah kesedaran dan kesediaan setiap kelompok etnik sendiri mempertahankan dan memapresiasi bahasa ibundanya sendiri kerana ia adalah sebaik-baik cara untuk memastikan kelangsungannya.

Kua Kia Soong menerusi kertasnya berjudul *Malaysian Chinese Education in the Nineties* adalah seorang ahli pendidik dan juga pengarah Pusat Pengajian Tinggi Dong Jiao Zong, menjelaskan secara perbandingan, pendidikan Cina di Malaysia adalah lebih baik pada zaman sebelum merdeka 1957 berbanding sekarang. Pada tahun 1957 dengan jumlah penduduk Cina seramai 2,300,000 terdapat 1,324 sekolah rendah Cina dan 86 sekolah menengah, tetapi pada 1997 dengan jumlah penduduk Cina seramai 5,263,000, jumlah sekolah rendah menurun kepada 1,281 dan sekolah menengah kepada 86 buah. Beliau begitu prihatin terhadap usaha kerajaan bagi menghadkan pendidikan bahasa-bahasa ibunda bukan Melayu di negara ini dengan menyebut peruntukan Akta Pendidikan 1996 sebagai langkah ke belakang daripada apa yang telah diperuntukan oleh Ordinan Pendidikan 1957 iaitu pendidikan bahasa ibunda menjadi hak asasi kaum bukan Melayu di negara ini. Peruntukan yang ada sekarang terletak kepada kuasa Menteri Pendidikan. Namun demikian beliau menjelaskan bahawa dengan adanya sokongan berterusan masyarakat Cina terhadap pendidikan Cina, masa hadapan mereka masih cerah.

Syahul Hamid Mydin Shah, Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Sekolah Tamil mengesahkan bahawa masyarakat Tamil meletakkan sekolah-sekolah Tamil sebagai pelindung (custodian) kepada budaya mereka. Justeru itu pengekalan dan pengajaran bahasa ibunda mereka amatlah penting bagi memastikan penerusan generasi mendatang. Seperti mana sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, beliau menyeru pihak pemerintah agar status sekolah Tamil dinaik taraf kepada bantuan penuh di samping memastikan kecukupan guru terlatih, buku teks dan prasarana lainnya yang kini berada dalam keadaan daif. Apa pun permasalahan yang harus diatasi, sokongan dan dukungan masyarakat India sendiri amatlah diperlukan.

Pengalaman yang dialami sekolah-sekolah Cina dan Tamil di Semenanjung, walaupun memperlihatkan berbagai rintangan terpaksa juga diatasi. Sekurang-

kurangnya mereka ada tempat rujukan: bagi sekolah Cina boleh mendapatkan bahan-bahan dari benua China dan sekolah Tamil dari benua India. Tetapi keadaannya berbeza dengan keadaan orang Kadazan di Sabah. Rita Lasimbang menulis kertas bertajuk "Kadazan Mother Tongue Education" menjelaskan mengenai usaha melaksanakan pengajaran bahasa ibunda Kadazandusun di dalam kurikulum pendidikan rasmi menerusi POL. Tetapi apa yang mengecewakan ialah perlaksanaannya kerana kelas-kelas tersebut diadakan di luar kelas biasa. Akibatnya bukan sahaja murid bahkan guru juga hilang minat, tambahan ia tidak mempunyai nilai ekonomi.

Sama keadaannya dengan apa yang dibincang Rita Lasimbang, Jimbun anak Tawi seorang guru dan seorang yang berautoriti dalam bahasa Iban memberikan sebuah laporan komprehensif mengenai perkembangan bahasa Iban yang dianggapnya sebagai lingua franca di bumi Borneo dan sekitarnya. Kedudukannya lebih baik jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa ibunda lain kerana ia dimasukkan ke dalam kurikulum kebangsaan negeri Sarawak dan ditawarkan sebagai mata pelajaran peperiksaan. Bahasa Iban juga diajar di maktab-maktab perguruan. Malah dari satu segi, ia setaraf dengan bahasa-bahasa asing seperti Perancis, Arab atau Jepun. Kemajuan bahasa Iban turut dibantu oleh badan-badan bukan kerajaan seperti gereja, Persatuan Dayak Sarawak, Yayasan Tun Jugah dalam usaha-usaha mempromosikannya. Namun ia juga mempunyai beberapa halangan kerana akhirnya ini ia tidak lagi ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran elektif di maktab-maktab perguruan di Sarawak. Buku-buku teks dalam bahasa Iban tidak mencukupi atau pun tiada langsung di sesetengah sekolah rendah dan dikatakan juga pihak Pusat Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan tidak memberikan perhatian sewajarnya kepada pendidikan bahasa ibunda keseluruhannya. Permasalahan lainnya adalah sama seperti pengajaran di luar waktu persekolahan, kekurangan guru, bahan pengajaran dan seumpamanya. Namun harapan masih cerah untuk masa hadapan bahasa Iban jika sekiranya masih ramai orang Iban yang komited mempelajari dan memperomosisikannya.

Tulisan Ahi Sarok mengenai pendidikan bahasa ibunda Bidayuh banyak mendedahkan permasalahan yang dihadapi komuniti tersebut. Satu daripadanya ialah kewujudan pelbagai dialek dan ia menyukarkan usaha pembakuan (standardization). Keadaan diburukkan lagi dengan taburan penduduk yang terpisah-pisah. Sehingga sekarang belum ada satu pun dialek Bidayuh yang digunakan sebagai bahasa pengantar ketiga di sekolah-sekolah yang ramai penduduknya kaum Bidayuh. Sejak penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Sarawak semasa penubuhan Malaysia, bahasa Bidayuh tidak lagi diajar sebagai bahasa vernakular. Namun demikian Ahi Sarok masih menaruh harapan mengenai masa depan bahasa Bidayuh dengan wujudnya beberapa organisasi dan pertubuhan seperti Dayah Bidayuh National Association (DBNA) dan perwakilan Bidayuh di peringkat Negeri dan Federal dalam memperjuang dan memperomosisikan bahasa Bidayuh.

Satu lagi bahasa ibunda yang diberi perhatian ialah bahasa Murut. Lucas Umbul dengan rencananya bertajuk “Problems and Prospects Facing Murut Education”, bersesuaian dengan tajuk, banyak memaparkan permasalahan yang dihadapi kaum tersebut. Kewujudan beberapa sub-kelompok dan juga sub-dialek dalam masyarakat Murut menyukarkan pengajaran bahasa tersebut. Keadaan sosio, budaya-ekonomi kaum Murut yang masih mengamalkan aktiviti pertanian kecil-kecilan dan berpindah-pindah turut menambah permasalahan pembakuan bahasa. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di kalangan generasi mudanya menjadikan mereka hilang rasa bangga terhadap bahasa sendiri. Walaupun begitu penulis menaruh harapan agar Persatuan Murut Sabah mengembeling usaha bagi menyelidik, membangun prasarana bagi memajukan bahasa Murut yang menurutnya satu-satunya wahana bagi menyatukan kembali seluruh kelompok Murut yang bertaburan.

Rencana terakhir dalam buku ini membahaskan nasib bahasa orang-orang asli di Semenanjung. Colin Nicholas menegaskan bahawa segala-galanya berpunca daripada proses homogenisasi sejak beratus-ratus tahun menyebabkan bahasa-bahasa ibunda kaum orang asli menjadi terpinggir dan pupus. Dalam hal ini dikaitkan dengan dominasi bahasa Melayu di samping faktor-faktor lain seperti proses modernisasi, perkahwinan campur, pendidikan nasional dan pengaruh media massa. Beliau amat yakin bahawa komitmen untuk mengekalkan budaya yang bersifat multi atau kepelbagaian harus disertai dengan pengamalan dan pembudayaan bahasa. Justeru itu ia harus diamalkan dan bukan diajarkan. Ertinya diinginkan kepelbagaian budaya (multi-culturalism) dan ia harus melalui kepelbagaian bahasa (multi-lingualism).

Keseluruhan rencana yang dipersembahkan dalam buku ini sebulat suara menyatakan desakan agar dipelihara serta dipromosikan bahasa-bahasa ibunda kaum-kaum etnik di Malaysia dan tugas ini hendaklah dipikul oleh semua pihak terutama sekali pihak pendidikan negara, pembuat dasar pengamalan bahasa-bahasa dan media massa. Apa yang disuarakan memperlihatkan keperihatinan kaum-kaum bukan Melayu dalam soal keharmonian dan kesejahteraan bangsa Malaysia atas dasar keyakinan mereka iaitu bagi mencapai budaya sejahtera hanya melalui kesejahteraan dalam budaya.

Dr. Ghazali Basri